

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 21

Berikut ialah Kunci Kira-kira bagi Syarikat Prakash pada 30 November 2016:

Syarikat Prakash			
Kunci Kira-kira pada 30 November 2016			
	RM		RM
Kenderaan	20,000	Modal	38,470
Lengkapan	12,020	Untung bersih	7,980
Penghutang	5,500	Pemiutang	10,040
Stok akhir	21,150	Bank	3,200
Tunai	1,020		
	<u>59,690</u>		<u>59,690</u>

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan Disember 2016:

- (i) Menjual satu pertiga daripada stok secara kredit pada harga RM8,500 kepada Perniagaan Zulaikha
- (ii) Bayar gaji pekerja dengan tunai RM700
- (iii) Penghutang telah menjelaskan hutangnya bernilai RM5,600 dengan cek RM5,500
- (iv) Bayaran kadarbayaran RM300 secara tunai
- (v) Terima diskaun RM240 daripada pemiutang untuk menyelesaikan hutangnya dengan cek RM5,400
- (vi) Pemilik membuat ambilan stok RM500 untuk kegunaan keluarganya

Sediakan Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2016. Tunjukkan jalan kerja secara berasingan.

Nota:

Sebagai seorang pengajar, saya suka pelajar saya dipupuk dengan ciri kebebasan berfikir, terutamanya, apabila mencari penyelesaian bagi sesuatu masalah. Misalnya, bagi soalan ini, anda dikehendaki menunjukkan jalan kerja dan biasanya anda akan menggunakan jadual persamaan perakaunan mendatar. Tetapi, adakah format ini merupakan sesuatu, dalam Bahasa Inggeris, kita kata "written in stones"? Tidak. Jadi, mula fikir mengenai cara-cara lain untuk menyelesaikan masalah. Cara saya beri di sini, mungkin bukan yang terbaik. Anda mungkin dapat memberikan cara yang terbaik! Tetapi, anda mesti sokong dengan fakta-fakta yang relevan untuk menyatakan mengapa cara anda adalah terbaik.

Untuk soalan ini, anda boleh gunakan cara jadual mendatar (akaun disenaraikan secara mendatar) atau jadual menegak (akaun disenaraikan secara menegak) sebagai jalan kerja. Tujuannya adalah untuk memudahkan penyediaan jawapan. Lihat contoh format bagi kedua-dua cara. Pilihan dibuat mengikut kriteria berikut:

- Soalan melibatkan bilangan akaun yang kurang tetapi bilangan urus niaga yang banyak dan sebahagian daripada keperluan soalan – pilih cara jadual mendatar.
- Soalan melibatkan bilangan akaun yang banyak tetapi bilangan urus niaga yang kurang dan digunakan sebagai gerak kerja sahaja – pilih cara jadual menegak.

Cara Jadual mendatar bagi soalan ini:

Urus niaga	ASET						LIABILITI	EKUITI PEMILIK	
	Kenderaan	Lengkapan	Stok	Penghutang	Bank	Tunai	Pemiutang	Modal	Untung bersih
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki awal									
(i)									
(ii)									
(iii)									
(iv)									
(v)									
(vi)									
Baki akhir									

Cara jadual menegak bagi soalan ini:

Akaun-akaun	Urus niaga							
	Baki awal	(i)	(ii)	(iii)	(iv)	(v)	(vi)	Baki akhir
ASET	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kenderaan								
Lengkapan								
Stok								
Penghutang								
Bank								
Tunai								
Jumlah Aset								
LIABILITI								
Pemiutang								
Jumlah liabiliti								
EKUITI PEMILIK								
Modal								
Untung bersih								
Jumlah ekuiti pemilik								